



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (41)

SIARAN MEDIA

CINTA BUATAN MALAYSIA: MERAIKAN SENI, BUDAYA DAN IDENTITI MALAYSIA

4 SEPTEMBER 2026 - Bersempena sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini, Balai Seni Negara akan menganjurkan **Program Cinta Buatan Malaysia** pada **5 dan 6 September 2026**, dari jam **9.00 pagi hingga 6.00 petang** bertempat di Balai Seni Negara, Kuala Lumpur.

Program selama dua hari ini diadakan bersempena Pameran “Koleksi Tetap: Cinta Buatan Malaysia 79–89”, yang menelusuri fenomena seni dan budaya negara sekitar tahun 1979 hingga 1989 menerusi seni visual, filem, muzik dan sastera yang menjadi sebahagian daripada pembentukan gaya hidup serta pemikiran masyarakat pada era tersebut. Penganjuran program ini memperluas pengalaman pameran menerusi pelbagai aktiviti yang membawa semangat dan naratif era berkenaan lebih dekat kepada masyarakat.

Antara pengisian utama ialah Bengkel Lukisan Bersama IMUDA serta program *Hijab Seorang Pelukis* yang menampilkan kuliah, persembahan nyanyian dan tayangan video oleh Hasnul J Saidon, Anderson Ee dan Ainina Hasnul. Turut berlangsung sesi “Menjejaki Boul: Pelukis Sampul Album Rock (1986–1990)” yang menampilkan Boul sebagai panel bersama moderator Dr. Takiyudin serta persembahan Band Lasso.

Pengisian diteruskan menerusi Bengkel Cree Tee – T-shirt (Cinta Buatan Malaysia), diikuti persembahan muzik oleh SK Damansara Band, Kimalogy, Band Chlypdy dan D’Pujanggas. Sepanjang program berlangsung, pengunjung turut berpeluang menyertai bengkel seni dan aktiviti interaktif bersama keluarga, mendapatkan produk seni dan cenderamata, menikmati jualan makanan dan minuman serta menjalani saringan kesihatan percuma.

Penganjuran Program Cinta Buatan Malaysia turut melengkapi pengalaman pengunjung terhadap Pameran *Koleksi Tetap: Cinta Buatan Malaysia 79–89* yang menampilkan 87 karya menerusi tujuh segmen utama merangkumi Bakat Muda Sezaman (BMS), filem, perintis dan peneraju semangat zaman, ASEAN, sukan,

mural Ibrahim Hussein serta lokasi dan tempat pembangunan seni budaya. Pameran ini berlangsung sehingga Disember 2028 di Galeri Tun Razak, Balai Seni Negara.

Orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan Program Cinta Buatan Malaysia serta menghayati kepelbagaian seni dan budaya tempatan. Program ini diharap dapat memperluas apresiasi masyarakat terhadap seni visual, di samping mengangkat seni sebagai salah satu elemen penting dalam pembentukan identiti negara. Untuk maklumat lanjut mengenai program atau pameran yang dianjurkan, sila layari www.artgallery.gov.my atau ikuti saluran media sosial rasmi Balai Seni Negara.

Dikeluarkan:

Unit Komunikasi Korporat

BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Mohd Zuriyadi Sarpin

T: +60 11 1005 5207

E: zuriyadi@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my